



# **SIARAN MEDIA**

## *MEDIA RELEASE*

---

### **LAPORAN KIRAAN AWAL JUMLAH PENDUDUK TAHUN 2021**

*REPORT OF THE PRELIMINARY COUNT OF  
TOTAL POPULATION 2021*



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**LAPORAN KIRAAN AWAL JUMLAH PENDUDUK TAHUN 2021**

---

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan **Laporan Kiraan Awal Jumlah Penduduk Tahun 2021** yang memberikan data mengenai jumlah penduduk dan ciri-ciri utama demografi penduduk Negara Brunei Darussalam pada tahun 2021. Kiraan awal ini adalah berasaskan hasil dari Peringkat Pertama: Penyenaiaan Tempat Kediaman dan Peringkat Kedua: Pengendalian e-Census bagi Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021
  
2. Penemuan-penemuan utama dalam Laporan Kiraan Awal Jumlah Penduduk Tahun 2021 tersebut adalah seperti berikut:
  - Kiraan awal jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam pada tahun 2021 adalah seramai 429,999 orang, yang terdiri dari 226,102 orang lelaki (52.6 peratus) dan 203,897 orang perempuan (47.4 peratus);
  
  - Daerah Brunei Muara mempunyai penduduk yang paling ramai sebanyak 72.3 peratus (310,786 orang) daripada jumlah penduduk. Ini diikuti oleh Daerah Belait (14.5 peratus atau 62,243 orang), Daerah Tutong (11.1 peratus atau 47,601 orang) dan Daerah Temburong (2.2 peratus atau 9,369 orang);
  
  - Mengikut taburan umur, 16.3 peratus daripada jumlah penduduk (70,036 orang) adalah berumur di bawah 12 tahun, 8.8 peratus (37,677 orang) berumur di antara 12 hingga 17 tahun, 64.9 peratus (278,985 orang) berumur di antara 18 hingga 59 tahun, dan 10.1 peratus (43,301 orang) berumur 60 tahun ke atas;
  
  - Daripada jumlah penduduk, Penduduk Tempatan yang terdiri dari Rakyat Brunei dan Penduduk Tetap merupakan bahagian terbesar sebanyak 82.2 peratus

(353,313 orang), manakala Penduduk Bukan Tempatan adalah sebanyak 17.8 peratus (76,686 orang);

- Jika dibandingkan dengan jumlah anggaran penduduk pada tahun 2020 iaitu seramai 453,600 orang, jumlah penduduk pada tahun 2021 adalah menurun disebabkan bilangan pekerja asing yang berkurangan. Ini adalah berikutan sekatan kemasukan warga asing ke Negara Brunei Darussalam semasa pandemik COVID-19, di mana pekerja asing baharu yang dibenarkan untuk masuk ke Negara ini adalah dalam bilangan yang terhad bagi sektor atau pekerjaan tertentu sahaja. Selain itu sebilangan pekerja asing juga telah keluar meninggalkan Negara ini disebabkan tamat kontrak dan sebagainya.
3. Kiraan awal ini adalah tertakluk kepada semakan lanjut setelah pengendalian BPP 2021 selesai sepenuhnya. Peringkat Ketiga BPP 2021 akan diteruskan bermula penghujung Oktober sehingga Disember 2021 dengan menggunakan beberapa kaedah lain bagi menggantikan temuduga bersemuka. Maklumat lanjut mengenai perkara ini akan diumumkan kemudian.
  4. Laporan Kiraan Awal Jumlah Penduduk Tahun 2021 boleh didapati melalui laman sesawang JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian atau melayari laman sesawang berikut:

Telefon : 2230250 atau 2230265 (waktu pejabat)  
E-mel : [info.statistics@jpes.gov.bn](mailto:info.statistics@jpes.gov.bn)  
Laman sesawang : [www.deps.gov.bn](http://www.deps.gov.bn)



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**REPORT OF THE PRELIMINARY COUNT OF TOTAL POPULATION 2021**

---

1. *The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS), Ministry of Finance and Economy has released the **Report of the Preliminary Count of Total Population 2021** which presents the data of total population and key demographic characteristics of Brunei Darussalam's population in 2021. The preliminary count is based on the results from the First Stage: Houselisting and the Second Stage: e-Census of the Population and Housing Census 2021.*
  
2. *The main findings in this Report of the Preliminary Count of Total Population 2021 are as follows:*
  - *The preliminary count of Brunei Darussalam's total population in 2021 was 429,999 persons, comprising 226,102 males (52.6 per cent) and 203,897 females (47.4 per cent);*
  
  - *The Brunei Muara District had the highest population of 72.3 per cent (310,786 persons) of the total population. This was followed by the Belait District (14.5 per cent or 62,243 persons), the Tutong District (11.1 per cent or 47,601 persons), and the Temburong District (2.2 per cent or 9,369 persons);*
  
  - *By age distribution, 16.3 per cent of the total population (70,036 persons) were below 12 years of age, 8.8 per cent (37,677 persons) were between 12 to 17 years of age, 64.9 per cent (278,985 persons) were in the age group of 18 to 59 years, and 10.1 per cent (43,301 persons) were aged 60 years and over;*

- *Locals, comprising Brunei Citizens and Permanent Residents, accounted for the largest share of 82.2 per cent (353,313 persons), while Non-locals accounted for 17.8 per cent (76,686 persons);*
  - *Compared to the estimated total population of 453,600 persons in 2020, the total population in 2021 recorded a decline due to the decrease in the number of foreign workers. This was following the travel restrictions, specifically on the entry of foreigners to Brunei Darussalam during the COVID-19 pandemic, where only limited number of new foreign workers are allowed to enter the country for certain sectors and jobs. Apart from that, a number of foreign workers have left the country as their contracts had expired etc.*
3. *This preliminary count is subject to further revisions after all the BPP 2021 census operations are completely undertaken. The Third Stage of BPP 2021 will be resumed from end October until December 2021 through alternative approaches to replace the face-to-face interviews. Further information on this matter will be announced at a later date.*
4. *The Report of the Preliminary Count of Total Population 2021 is available from JPES's website. For any enquiries on this matter, please refer to JPES by contacting the lines or browsing through the website below:*

<i>Telephone</i>	<i>:</i>	<i>2230250 or 2230265 (working hours)</i>
<i>E-mail</i>	<i>:</i>	<i><a href="mailto:info.statistics@jpes.gov.bn">info.statistics@jpes.gov.bn</a></i>
<i>Website</i>	<i>:</i>	<i><a href="http://www.deps.gov.bn">www.deps.gov.bn</a></i>